

28 JUL 1997

Hassan-Syariah

KERAJAAN SELANGOR SOKONG PENYELARASAN HUKUM SYARIAH

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar hari ini berkata Kerajaan Negeri Selangor memberikan sokongan sepenuhnya kepada usaha Kerajaan Pusat untuk menyeragamkan undang-undang syariah di seluruh negara.

Katanya kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam usaha menyeragamkan undang-undang syariah bagi memastikan pelaksanaannya dilakukan dengan lebih baik dan bijak.

Abu Hassan berkata demikian semasa berucap pada Majlis Bersama Rakyat dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan perasmian bangunan Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya oleh Anwar, dekat sini hari ini.

Beliau berkata sebagai usaha menangani masalah pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang syariah di negeri itu, kerajaan negeri telah mewujudkan pusat keagamaan dan informasi untuk memberi maklumat mengenai undang-undang syariah di setiap daerah.

"Setiap daerah kini ada pusat keagamaan dan informasi mengenai undang-undang syariah supaya rakyat dapat mengetahui dan memahami mengenai satu-satu undang-undang sebelum penguatkuasaannya dilakukan," katanya.

Isu berhubung penguatkuasaan undang-undang syariah menjadi hangat di Selangor ekoran tindakan Jabatan Agama Islam Selangor menahan tiga peserta wanita Melayu dalam satu pertandingan ratu cantik mengikut Seksyen 31, enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 kerana melakukan "perbuatan tidak sopan di tempat awam."

Tindakan itu mendapat teguran daripada beberapa pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menasihatkan supaya pendekatan sederhana dan kebijaksanaan diambil untuk melaksanakan undang-undang syariah.

Dr Mahathir sekembalinya dari percutian dua bulan dan lawatan bekerja di Jepun, juga bercadang mengadakan pertemuan dengan Raja-raja Melayu bagi menyeragamkan pelaksanaan hukum dan undang-undang syariah.

Abu Hassan berkata kerajaan negeri juga memperuntukkan RM25 juta bagi program bersepadu memerangi gejala sosial di Selangor.

Katanya kerajaan negeri juga sudah mensyaratkan setiap pemaju perumahan dan pusat pembangunan supaya mengadakan kawasan tertentu untuk digunakan sebagai pusat interaksi, riadah dan rekreasi bagi membolehkan rakyat memupuk semangat masyarakat bertanggungjawab.

Beliau berkata sesuai dengan agenda sosial utama negara dalam Belanjawan 1998 yang memberikan tumpuan ke arah pembasmian kemiskinan, Selangor sedang berusaha mengurangkan kadar kemiskinan bawah satu peratus dan menjadikan negeri itu bebas setingan pada tahun 2005. -- BERNAMA

HS AHH